

12, OKT, 2020, BH, P2

Penularan COVID-19

KL, Beijing bincang status vaksin

Menteri Luar China dijadual tiba dalam lawatan kerja dua hari ke Malaysia

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Putrajaya: Status vaksin COVID-19 dihasilkan oleh China antara perkara yang dijangka dibincangkan Menteri Luar, Datuk Seri Hishammuddin Hussein dengan rakan sejawatannya, dari negara itu, Wang Yi pada lawatan dua hari pemimpin itu, ke Malaysia, hari ini dan esok.

Kementerian Luar dalam satu kenyataan, berkata pertemuan Hishammuddin dengan Wang Yi yang juga Penasihat Negara China juga dijangka membincangkan kolaborasi pasca-wabak, terutama dalam pemulihan kelestarian ekonomi negara serta berusaha mengukuhkan lagi hubungan dua hala antara kedua-dua negara.

Kenyataan itu menyebut, kedua-dua pemimpin itu juga akan menyentuh mengenai isu semasa membabitkan kepentingan bersama pada peringkat serantau dan antarabangsa.

"Lawatan Wang Yi akan dilaksanakan dengan mematuhi langkah pencegahan dan kesihatan ditetapkan Kementerian Kesihatan (KKM).

"Ia juga akan mengikut prosedur operasi standard (SOP) diluluskan oleh Mesyuarat Khas Menteri-Menteri Mengenai Pelaksana-

an Perintah Kawalan Pergerakan, pada 1 dan 3 Oktober 2020 yang juga diumumkan oleh Menteri Kanan Keselamatan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob," katanya.

Kenyataan itu menyebut, berdasarkan kepada SOP itu, semua ahli delegasi China dipastikan mengemukakan bukti saringan negatif COVID-19 tiga hari sebelum tiba di Malaysia.

Mereka juga perlu menjalani ujian saringan calitan kedua sebaik tiba di lapangan terbang Malaysia.

Delegasi akan diiringi dari lapangan terbang ke hotel, seterusnya ke tempat acara dan ke lapangan terbang semula untuk pulang ke China, manakala kehadiran delegasi hanya dibenarkan dengan kapal terbang persendirian.

Kenyataan sama juga menyebut, lawatan rasmi terakhir oleh Wang Yi ke Malaysia adalah pada 2018.

Selain mengeratkan lagi hubungan dua hala, pertemuan kedua-dua Menteri Luar ini akan turut memastikan Malaysia dan China sentiasa bersedia dalam menghadapi cabaran pada masa hadapan di sebalik penularan COVID-19 dan terus bekerjasama demi kepentingan sejagat.